

## **MAJLIS PEGUAM MALAYSIA**

Posted by Dr. Mahathir Mohamad at August 13, 2008 12:41 PM

1. Sejak Barisan Nasional dibawah pimpinan Dato Seri Abdullah Ahmad Badawi, dan sejak Dato Zaid Ibrahim, sebagai de-facto Menteri Undang-Undang, cuba menawan hati Majlis Peguam dengan memberi kuasa kepada ahli majlis memilih hakim, dan memberi sugu hati kepada bekas-bekas hakim yang disingkir, Majlis Peguam Malaysia begitu garang sekali.
2. Selepas rusuhan kaum tahun 1969, pemimpin-pemimpin ketiga-tiga kaum di Malaysia telah bersetuju bahawa perkara-perkara sensitif seperti kedudukan Raja-Raja, bahasa rasmi, hak kaum-kaum, agama Islam sebagai agama rasmi, tidak akan dibincang atau dibahas secara terbuka. Sebabnya ialah kemungkinan perbincangan akan membakar hati pihak-pihak yang tersentuh yang boleh membawa kepada kestabilan negara terancam dan rusuhan kaum berlaku.
3. Semua kaum dan pemimpin-pemimpin mereka menghormati persefahaman ini semasa Tun Razak, Tun Hussein dan semasa saya menjadi Perdana Menteri. Ada juga cabaran-cabaran terhadap persefahaman ini tetapi tidak serius dan dapat ditangani.
4. Mungkin persefahaman ini menidakkan hak dalam demokrasi tetapi demokrasi adalah untuk kebaikan kita bukan kebaikan bagi diri kita harus dikorban untuk demokrasi. Kita tidak harus berasa malu kerana demokrasi kita kurang liberal dari demokrasi sesetengah negara maju. Apa yang baik bagi mereka tidak semestinya baik bagi kita.
5. Yang utama dalam demokrasi ialah hak mengundi bagi rakyat bagi menentukan siapa membentuk Kerajaan. Di Malaysia memang rakyat memiliki hak ini dan sehingga kini boleh menggunakan untuk tentukan siapa menjadi Kerajaan.
6. Jika kita ada sekatan tertentu untuk mententeram dan menjaga negara, kita harus terima.
7. Tetapi sekiranya ada yang melihat bahawa Kerajaan lemah dan tidak dapat pertahan persefahaman yang dipersetujui dahulu maka mereka mencabul persefahaman ini Negara akan hilang kestabilannya. Yang akan jadi mangsa ialah rakyat berbilang kaum negra ini. Di antara mereka ialah Majlis Peguam Malaysia.
8. Setelah diberi "muka" oleh Zaid Ibrahim, de-facto Menteri Undang-Undang, dan beranggapan yang Kerajaan sekarang takut pada mereka, Majlis Peguam Malaysia bukan main lagi; sanggup juarai semua isu yang sensitif.
9. Selain menuntut mereka pilih hakim, mereka bangkitkan perkara sensitif seperti kontrak sosial dan agama Islam.
10. Apabila hakim Ian Chin tuduh saya kononnya ugut hakim-hakim, Presiden Majlis Peguam Malaysia, Ambiga Sreenivasan, desak supaya Kerajaan siasat saya.
11. Saya salahkan Kerajaan kerana sikap angkuh Majlis Peguam dan membelakangkan persefahaman yang dibuat dahulu.
12. Sepatutnya Kerajaan melarang majlis berkenaan pengislaman anjuran Majlis Peguam Malaysia diadakan. Tetapi sebaliknya, Kerajaan biarkan rakyat protes. Protes boleh dihalang tetapi hati dan perasaan mereka yang memprotes dan lebih ramai lagi yang bersependapat dengan mereka terus meluap dan marah. Kemungkinan ialah perasaan marah ini akan meningkat kerana keangkuhan Majlis Peguam Malaysia yang masih ingin mengadakan majlis yang serupa pada masa terdekat.
13. Jika perkara sensitif perlu dibincang, bincanglah dalam keadaan tertutup dan melibat hanya beberapa

pemimpin yang bertanggungjawab sahaja. Hasilnya tidak perlu diheboh tetapi diserah kepada Kerajaan. Kerajaan pula janganlah takut dan utamakan populariti peribadi sahaja tetapi hendaklah fikir berkenaan kepentingan negara.

## 562 Comments

By FaizalRizwan on August 13, 2008 1:00 PM

Majlis peguam sudah melampau..lepas nie saya tidak terkejut jika mereka membincangkan tentang kedaulatan Raja-Raja..

By fid on August 13, 2008 1:01 PM

Tindakan Majlis Peguam2 kali ni betul2 telah melanggar batas2 & tindakan yg TIDAK di ambil oleh PM kita betul2 adalah sesuatu yg GILA di mata saya....sejak Abdullah jadi PM banyak benda2 pelik & tidak masuk akal telah berlaku

By amez on August 13, 2008 1:04 PM

Dear Tun,

This is all because of a weak leadership. In your time, this would not have happened. In spite of uncertainties, a strong leader must show direction and be brave to make decision that they think is right for all. This is not happening now.

By kamal ahmad on August 13, 2008 1:06 PM

Salam Ayahanda Tun, saya memang dari dulu lagi berasakan bahawa sebenarnya Datuk Zaid ni tak berapa arif dalam percaturan beliau. Pada pendapat saya, kalau mana-mana Melayu boleh ada hati untuk nak beli dan guna coffee espresso maker sampai berharga RM10,000 satu unit, tak payah lah nak memperjuangkan nilai-nilai Melayu lagi. Kita orang Melayu tak macam tu, loaded macam mana pun tetap cari kopi O cap keretapi tin saja, banchuh dalam kole pun dah cukup best. Tak gitu Datuk Zaid?

By joehoneyAuthor Profile Page on August 13, 2008 1:07 PM

Salam buat Tun serta Keluarga,

I think Tun is right and this is happen because of Zaid. Where is Zaid now? I think Zaid has run away from this country. Hehehe...

Hidup Tun!

By zali lampai on August 13, 2008 1:08 PM

Assalamualaikum Tun,

You make my day

<http://anakmalaysia81.blogspot.com/>

By mrkhan on August 13, 2008 1:08 PM

pak lah patut letak jawatan...

saya tetap sokong tun..  
dulu,kini, dan selamanya...

By tharieq.dhiyauddin on August 13, 2008 1:09 PM

Salam Tun,

I'm the fifth.. setuju dengan tun.. perkara sensitif begini tidak perlu diperbesar-besarkan.. majlis peguam tahu bahawa ramai orang islam akan protes.. ianya seolah-olah majlis peguam nak hebahkan kepada seluruh dunia.. PKR je yang suka masalah dalaman diketahui dunia...

By frenchyAuthor Profile Page on August 13, 2008 1:09 PM

IDUP TUN... SAYA SOKONG SAMPAI MATI!

By wakmes on August 13, 2008 1:10 PM

Assalamualaikum TDM.

Diharap pihak yang terlibat terimalah pandangan YBH TDM yang iklas ini. Sesal kemudian tidak berguna.

Wassalam.

By mingAuthor Profile Page on August 13, 2008 1:11 PM

Memang benar tak guna punya Perdana menteri dan konconya..

By GNIT on August 13, 2008 1:11 PM

Assalamualaikum Tun,

Entahlah apa nak jadi dengan kerajaan yang ada sekarang ni.

Beberapa pihak semakin lantang menyentuh hak Melayu dan Islam walaupun dah termaktub dalam perlembagaan.

Pihak luar pula semakin berani menekan Malaysia.

Malaysia tidak lagi "gah" seperti masa Tun memimpinnya dulu.

Iringan doa agar Malaysia diselamatkan dari "bala" kerana "kepimpinan" yang ada sekarang n.

By Prometheus on August 13, 2008 1:12 PM

Assalamu'Alaikum Tun,

Saya tertarik dengan para 13. Tidakkah jika isu sensitif diperbincangkan secara tertutup, dan tidak pula dihebohkan kepada rakyat, maka perselisihan faham antara rakyat dan kepimpinan, serta rakyat sesama rakyat tidak dapat diselesaikan secara tuntas?

Semuga Tun teruskan perjuangan mencelikkan dan memberi info kepada yg dahaga info seperti saya ni.

Wassalam.

By ixora on August 13, 2008 1:12 PM

Salams Tun.

I love your write up. Like I have said in the previous post, I wish there is a committee which could initiate the prayers and doa to get rid of our leaders who are not leading the rakyat but instead laughing all the way to the banks. I feel that we Malays are slowly being pushed out of our own countries and yet we do nothing about it because the people who are supposed to do the work are busy ensuring they stay in power. I wish this committee is set up to ensure as many mosques and suraus as possible to conduct the sembahyang hajat and make doa to Allah to get rid of our present leaders cos it seems we are at a dead end right now. Looks like only God can save us right now.

By adilazami on August 13, 2008 1:12 PM

Salam TUN... sedih TUN.. sedih sgt... Apa kan jadi dgn negera Malaysia? dan Melayu???... teringat masa zaman bersekolah dulu "Lagu Negaraku" dinyanyikan beramai2 dgn penuh bersemangat.. Tapi sekarang.... Apa dah jadi TUN.....

By AnneAuthor Profile Page on August 13, 2008 1:14 PM

Dear Tun,  
I have yet to hear our "beloved" Pak Lah's stand on this. He seems too chicken for me anyway so.. and the bar council continues to march on, by saying it will not be cowed by last Saturday's demonstration and will continue to speak up..  
<http://annenaim81.blogspot.com>  
By daisy on August 13, 2008 1:15 PM

Agama islam, hak istimewa orang melayu, kedaulatan raja-raja....semuanya telah termaktub dlm perlumbagaan dan tidak boleh dipertikaikan. saya hairan bgmna kerajaan blh membiarkan majlis peguam mengadakan forum seumpama ini dan tidak mengambil apa-apa tindakan tegas terhadap mereka

By taurus on August 13, 2008 1:16 PM

Salam Tun,

bila semau artikel yang sensitif hendak dijadikan forum oleh pihak tertentu, maka sebenarnya meraka ini terikut-ikut kebebasan bersuara yang dipopulkarkan oleh pihak barat.....tanpa berfikir implikasi dari forum-forum yang diadakan yang menyentuh perassan sesuatu kaum dinegara ini.

banyak lagi soal-soal sosial yang bolehh dihahaskan oleh pihak NGO seperti penyakit masyarakat yang dialami oleh masyarakat kita yang melibatkan remaja kita. Ini adalah lebih penting kerana mereka adalah pelapis negara.

Yang pasti ahli-ahli politik yang terdiri dari peguam tidak dapat menjana ekonomi negara ini, kerana sibuk berforum tanpa memikir bagaiman untuk meningkatkan ekonomi negara. Selain dari itu merakasibuk mencari kesalahan orang lain...untuk menjadi popular....

Khas kepada meraka yang memeluk ugama Islam...jangan takut mengaku Islam....dan hadapi segala cubaan dan dugaan dan gangguan dengan tabah...kerana jangan Kerajaan dilabelkan sebagai body snatcher...

By moyabira on August 13, 2008 1:16 PM

Assalamualaikum Tun & sekeluarga,

1. Setuju dengan pandangan Tun.
2. Dengan apa yang terjadi hari ini, ada hikmahnya, sekurangnya sekarang orang melayu dah terasa tercabar dan mula memikir arah tuju.
3. Pemimpin UMNO dan jugak peringkat kawasan yang tiada semangat utk membangunkan bangsa melayu, perlu letak jawatan secara sukarela jika ingin memulihkan UMNO. Kami dah muak dengan percakapan mereka.

Wassalam,

Kaf Ya Ain Sod Qaa Ha

By asn88 on August 13, 2008 1:17 PM

Salam Tun,

Pertama, Menteri de-facto, Zaid kena letak jawatan. Tiada pembelaan langsung kepada agama&bangsa. Memalukan Melayu. Harapkan pagar, pagar makan padi, harapkan menteri, menteri senyap sepi. Semuanya kerana kepentingan diri, sudah jadi Menteri, dah lah menteri yang kontroversi, dari UMNO KB yang kena gantung ahli.

Kedua, Majlis Peguam jadi berani kerana mereka tahu UMNO dan BN dan pemerintah sudah tidak kuat. Mereka ambil peluang, test market. Lihat reaksi penentangan orang Melayu dan setakat mana parti2 Melayu mempertahankannya. Sekurang2 Pas dan UMNO pertahankan. Tapi apa dah jadi dengan PKR? Parti Kenakan Rakyat?

Apapun ini semua kerna berpunca dari zaman pemerintahan PL yang lembek dan tak bermanfaat. Bila dah tak kuat, orang lain cari peluang. Orang Islam dan Melayu juga bersengketa sesama sendiri. Melayu juga tidak kuat sebenarnya. Melayu dah pecah tiga, UMNO, PAS dan PKR.

Keharmonian harus dicapai di negara kita yang berbilang kaum ini. Menghormati sesama bangsa dan agama penting. Itulah namanya toleransi. Tapi kalau ada pihak yang cuba nyalakan api sengkata, tak kan ditemui titik damai di Malaysia ini.

Apapun, kalau ini berlaku di zaman Tun pasti Tun dah ambil tindakan drastik. Tapi saya percaya, kalau Tun perintah, perkara sebegini tidak akan terjadi. Kenapa? Kerana ramai yang takut pada 'taring' Tun. Sekurang-kurang dari rasa takut ini, lahirnya rasa hormat dan akhirnya kita boleh hidup aman dan damai di bumi Malaysia ini.

By adilazami on August 13, 2008 1:17 PM

TUNNNNNNNNNNNNNNNNNNNNNNNNNNNNNNN.....

By che wanAuthor Profile Page on August 13, 2008 1:18 PM

Assalamualaikum ayahnda.. semoga sihat hendaknya.

Disini cek nak titipkan warkah terbuka untuk DSAAB.

Kepada Pak Lah... PM kesayangan ku

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Pak Lah kerana menaikkan harga minyak. Selepas ini apabila harga minyak naik, harga barang yg lain akan naik. Saya akan merubah tabiat saya dari makan ikan kembung yg dah merah mata dan pecah perut kepada ikan kering sahaja. Saya sanggup berkorban untuk UMNO dan BN.

Anak saya yang seramai 5 orang itu boleh bekerja selepas waktu sekolah untuk membantu keluarga dan meneruskan tradisi menyokong UMNO dan BN. Saya akan merubah bilik-bilik yang ada di rumah saya untuk dijadikan tempat menternak ikan dan menanam sayur secare hidroponik. Saya terpaksa tanam dalam bilik kerana saya duduk dekat rumah flat.

Rebet yang diberikan kepada saya memang melebih dari keperluan saya. Apabila saya congak, saya hanya menggunakan 20 sen saja duit minyak motor sehari. Ada untung 21 sen. Saya tak pakai pon kete sebab bile minyak naik saya kene jual Datsun kotak mancis saya. Dapat gak duit. Anak-anak saya, saya akan suruh eksesais setiap hari dengan berjalan kaki atau naik beskal ke sekolah. Sejauh 5 KM walaupon saya berpendapatan RM 1000, ia terlebih cukup untuk keluarga saya.

Buat permulaan untuk merubah kehidupan saya, saya tidak akan menggunakan gula, tak akan menggunakan tepung untuk buat jempot-jempot. Akan menggantikan beras ngan ubi. Setiap hari saya dan keluarga akan berpuasa (kecuali pade hari hari yg dilarang ajerk). Saya akan buat minyak masak sendiri itu antara care saya merubah hidup.

Ade banyak lagi care semuanya kerana UMNO dan BN. Dan saya ingin meminta Pak Lah supaya menaikkan lagi harga minyak yg ade. Bukan tu ajerk, diminta menaikkan lagi harga tol kerana org sebelah rumah saya nih orang pembangkang. Dia selalu ikut highway, bior padan ngan muke dia.

Mungkin Pak Lah boleh melawat saya dan bersedekah kepada saya sehelai kain pelikat dekat-dekat pilihanraya nanti. Insyaallah kain pelikat itu saya akan framekan dan gantung dirumah. Tapi jangan lupa Pak Lah tandatangan yerk..! Jgn lupe Pak Lah, naikkan lagi harga minyak. Jgn turun kan gaji menteri-menteri dan tuan penashiat 25%.

Saya tetap akan menyokong Pak Lah. Akhir kata bior Pak Lah senang, janji kami susah. Hidup UMNO, hidup BN.

Sekian, terima kasih.

p palang s: sampaikan salam saya pada KJ dan Patrik Badawi dan tak lupe gak tuan punya Syarikat Scomi.

pecah kaca, pecah gelas,  
sudah baca, harap balas.

<http://moneyaccessonline.net76.net/>

By FarahAuthor Profile Page on August 13, 2008 1:19 PM

Saya mempunyai ramai sahabat warga asing yang telah tinggal di Malaysia selama beberapa tahun. Semalam, mereka membincangkan perihal politik di Malaysia, amat pahit untuk diterima tetapi pada saya benar.. Ini adalah pandangan warga asing berkenaan Malaysia:

- 1) Polis di Malaysia adalah polis yang korup. Polis-polis Malaysia adalah begitu murah dan tiada maruah. Mudah disogok. Sekiranya warga asing di tahan kerana sebarang kesalahan, dengan mudah polis meminta duit kopi rm30 atau rm40 untuk melepaskan mereka. Saya percaya tidak semua polis begini.. tetapi sikap segelintir mereka menyebabkan perkara ini terjadi.
- 2) Rakyat Malaysia racist. Keluarga bangsa Cina seboleh-bolehnya tidak mahu berjiran dengan bangsa India dan bangsa Melayu. Sama juga bangsa Melayu dan bangsa India.
- 3) Kerajaan Malaysia lemah. Pada pendapat sahabat2 saya ini, Malaysia hanya berjaya pada zaman kerajaan Mahathir Mohamad sahaja, tidak pada zaman Paklah. Tidak malukkah Paklah dengan perkara ini?
- 4) Rakyat Malaysia suka mengambil kesempatan terhadap warga asing. Sahabat saya kerap ditipu oleh pengusaha bengkel yang mengenakan caj yang sangat melampau. Imej buruk negara.
- 5) Malaysia bukanlah negara yang selamat. Rompakan dan pembunuhan sering terjadi sejak Pak Lah mengambil alih pemerintahan negara.

Ini adalah perkara yang utama... terdapat lagi perkara2 lain yang saya ingin kongsi tetapi saya khuatirkan keselamatan saya juga :)..

Salam hormat..

Farah

By nollierazsof on August 13, 2008 1:20 PM

Salam Tun,

Apa akan jadi dgn negara kita yg tercinta ni? Sedih dan risau dgn nasib generasi anak-anak kita nanti.  
**MEREKA SEMUA SUDAH MENJADI SEMAKIN KURANG AJAR!!! SEMOGA ALLAH BUKA PINTU HATI PAKLAH UNTUK STEP DOWN...**

By azizsidek on August 13, 2008 1:21 PM

Salam, Tun

Zaid tak sepatutnya dilantik, dia patutnya dipinggirkan, another manusia yang sentiasa bertukar kulit... that's Zaid...dulunya kononnya memperjuangkan hukum syariah..tapi pada siapa yg amat mengenalinya faham2 lah.

By Ted on August 13, 2008 1:22 PM

Salam Tun,

saya kagum dengan kebijakan dan pemikiran Tun yang sentiasa ke hadapan berbanding dengan pemimpin yang ada sekarang. Saya dapat pemimpin sekarang ramai yang tamak dan mementingkan diri sendiri daripada kepentingan negara. Pada pendapat Tun, kenapa pemimpin sekarang tidak ada yang

dapat menandingi pemimpin terdahulu yang lebih mementingkan rakyat dan negara?  
By asam jawa on August 13, 2008 1:22 PM

Assalamualaikum YABhg. Tun

Terima kasih kerana komen mengenai kebiadapan majlis peguam yang kononnya pandai memperjuangkan kesaksamaan undang-undang.

Memang benar majlis peguam sekarang semakin besar kepala kerana kerajaan dan Menteri Kehakiman telah beri muka. Majlis peguam bukan saja berani mempersoalkan Ketuanan Melayu tetapi telah mancabar undang undang Allah Sunhanahuwataala.

Majlis Peguam berfikiran sempit. Tidakkah terlintas difikiran mereka apa akan terjadi sekiranya orang Melayu bertindak balas dengan mengadakan forum terbuka bagi membincangkan kewajaran beberapa perkara seperti "Amalan Ugama Bukan Islam Di Negara Islam" , Kajian Semula Status Warganegara Jus Soli" , "Kajian Semula Hak Istimewa 70 % yang di Nikmati Kaum Bukan Bumiputera Vs 30% Diperuntukkan Kepada Bumiputera" . "Tuntutan Hak 70% Yang Selama Ini Dinikmati Oleh Kaum Bukan Bumiputera" dan lain-lain lagi hak ketuanan Melayu yang telah terhakis.

Banyak perkara orang Melayu bertolak ansur dan dirampas oleh pendatang. Kadang-kala kita patut bersikap kurang ajar untuk memberi pengajaran kepada orang yang tidak tahu dek untung.

Semoga YABhg. Tun sekeluarga dirahmati Allah.  
By anakjohor on August 13, 2008 1:23 PM

salam Tun,

apa komen tun tentang menterbalikkan bendera Malaysia?

Malaysia in Distress.

bila negara dilanda masalah yang tidak diberi laluan untuk penyelesaian, maka tindakan menterbalikkan bendera adalah sebentuk protes.

SEJARAH SAIFUL BUKHARI

salam  
By botolair on August 13, 2008 1:23 PM

Tun...

Ini ke kebebasan bersuara yg kite nak sgt??  
sehingga perkara2 yg sensitif mule dipertikaikan..  
apelah guneny kebebasan bersuara kalau ianye cume membawa kehancuran kepada negara...  
By saname on August 13, 2008 1:25 PM

Salam untuk Tun dan keluarga.

What was done earlier by Zaid was to discredit you and your previous government. Now it has backfired on them. With all these hoo haa, Zaid is so quiet, not a single word or statement . LAW MINISTER, what a shame, being a Melayu and a minister.

By nasir ms on August 13, 2008 1:28 PM

Salam sejahtera buat TUN yang amat saya hormati dulu,kini dan selamanya...

Melayu di ambang gerhana...kata nasihat Tun untuk kesejahteraan orang melayu dianggap mengacau kepimpinan orang melayu.

Majlis peguam (malahan kaum lain) pula telah berani membincangkan perkara berkaitan orang melayu dan islam.

Apa yang telah dilakukan oleh pemimpin melayu dan islam??!!

cAKAP!!CAKAP!!!CAKAP!!!HABOK PUN TARAK...TINDAKAN TIADA!

Hidup TUN!!

By adilazami on August 13, 2008 1:28 PM

TUN.. TUN sendiri tahu rata2 yg ada dlm blog chedet ini sentiasa kan berada dibelakang TUN.. tapi andai kata suatu hari nanti sesuatu kan berlaku pada negara ini adakah TUN kan sentiasa bersama kami...

TUN, sedih & takut nge apa yg berlaku sekarang.....

By KopiboyAuthor Profile Page on August 13, 2008 1:29 PM

Teruskan Tun!!!!!!!!!!!!!!

By angah on August 13, 2008 1:30 PM

assalamualaikum tun..

thanks for commenting on this issue, ayahanda.

how i wished i could hear from you regarding this issue bila tgk berita smlm. sedih la ng keadaan sekarang ni.. rindu sangat dengan kepimpinan tun.. sangat berharap agar mereka (pemimpin negara) dapat buka hati dan minda utk menerima apa yang tun katakan.. demi kebaikan bersama.. ya Allah, lembutkanlah hati mereka.. letih sangat melayan kerena ahli politik yg sibuk memperjuangkan kepentingan individu lebih daripada kebajikan rakyat dan halatuju negara.. ya Allah berikanlah mereka petunjuk.. Amin..

By AloQStaQAuthor Profile Page on August 13, 2008 1:32 PM

Assalamualaikum Ayahanda Tun yang amat-amat dikasihi,

I HATE de-facto Menteri Undang-Undang SO MUCH!...

Segalanya telah rosak disebabkan "ketelusan" de facto ini...

Dia tidak sedar, apa yang dilakukannya akan menambahhancurkan negara ini kerana dia seorang yang berfikir sependek sejengkal, dia tidak melihat kesan sebalik apa yang dilakukannya ...

Dia saya anggap pembangkang yang berselindung atas tiket AbDolah dalam kabinet Kerajaan 3 beranak! .... Kalau boleh, eloklah dia ni dianggap sebagai ANAK ANGKAT AbDolah ...

Kerajaan 3 beranak + 1 Anak Angkat = ROSAK MALAYSIA!

SAYA SAYANG dan AMAT-AMAT-AMAT MENGHORMATI TUN !

Semoga terus sihat dan diberkati, Aminnn!...

AloQStaQ

<http://AloQStaQblog.blogspot.com>

By nine on August 13, 2008 1:33 PM

salamz ybhg tun

sebenarnya kerajaan yg ada sekarang cuma ingin meraih simpati masyarakat melayu dan segala macam ancaman yg menghimpit melayu, mereka ingin menjadi juara... memang main kotor..

By renee' on August 13, 2008 1:34 PM

Assallamualaikum buat Tun & warga chedet.com yg dirahmati semua,

Begitulah bila negara diterajui oleh pemimpin yang lemah.Saya sangat setuju dengan kata-kata Tun hari ini,bukan semua perkara harus dibincang secara terbuka untuk memastikan keamanan negara.Tapi yerlah,bila asyik memikirkan kepopulariti peribadi ramai yang terlupa kesan disebalik tindakan yang diambil.

Pendek kata,barisan pemimpin bodowee ni mcm beliau jugalah adanya,yang penting populariti dulu,akibatnya belakang kira.Lebih baik jadi selebriti ( popular ke ? ) kalau itu yang dikejar.

Buat Tun,semoga Allah memberkati Tun seisi keluarga seperti selalu.InsyAllah.

By zainiAuthor Profile Page on August 13, 2008 1:34 PM

btol yg mcm mana tun ckp kn dlu.

mereka ingt da pandai ttg law maka mereka bole bercakap dgn angkuh psl smua undang2 yg ada.

sy rase dgn adenye pengetahuan yg luas ttg undang2,mereka bukunya ptt persoal semua perkara mengenai undang2 secara angkuah,malah sepatutnya praktiskn undang2 itu dgn baek.itu shj.

fakta no 6 tun,the best statement for this post.for me.

By frenchyAuthor Profile Page on August 13, 2008 1:34 PM

TUN... kita skang banyak cerita pasal masalah. mintak TUN ajar kami apa langkah yang perlu kami sebagai rakyat lakukan agar kami rasa aman semula. Aku rasa sekarang macam dah tak selesa... terutama hak melayu dan masalah dengan ancaman dari luar untuk merosakkan keamanan negara ini. Mungkin PM kita tidak nampak ini sebagai masalah tapi aku sebagai rakyat... terancam! Kalau bukan aku... mungkin anak atau cucu aku dah rasa tak selesa hidup di negara sendiri. Aku harap ada pihak yang dapat lakukan sesuatu sebelum terlambat.

By nacsoib on August 13, 2008 1:35 PM

Tun,

I agree with the majlis action, this issue is hidden is matter of time that will explore. Goverment can cover it during Tun time or even current Goverment.

Tun mention "Protes boleh dihalang tetapi hati dan perasaan mereka yang memprotes dan lebih ramai lagi yang bersepakat dengan mereka terus meluap dan marah." How about those agree with this goverment did not allow them to organise it? those ppl will get angry? Is the same way just how Tun look at it. Important is how we going to handle it. Is matter of time this will be brought to discuss. Discuss openly and close door will bring the same impact. What I would like to see is, we able to solve the issue.

This topic "malay and islam" is "haram" in malaysia to talk. If non-bumi or non-muslim mention this will be taken action. But the others way round the impact will not be so great. Just like the case of teacher recently. Is kind of maturity thinking and how the goverment educated them since young. Our education system is lack of educate non malay and non islam topic. To me that is why some of the culture they are not aware and create misunderstanding.

Tun, just look at the view from majlis penguam and understand what they really wan to achieve. I dont think they are so in-mature to dare openly discuss this topic.

This topic is a sensitive topic, everyone who want to discuss this topic must have view from different perspective and angle. If not DONT discuss, it will not bring good to any party, will end up anger and disappointed. I guess some of them after reading Tun Blog and some comment here will get anger. This

for sure making the topic a real SENSITIVE issue. We need to cool down every party and given the whole picture and not just 1 sided view. I hope and wish Tun can elaborate on what are the good point that majlis orgainse such talk. What are benefit we could get. This will be let the malaysian know why we do and dont it.

By masterpiece on August 13, 2008 1:37 PM

assalamualaikum Tun,

Pemimpin sekarang nie tunduk kepada majlis peguam...  
tak pernah langsung fikirkan sensitiviti dan perasaan orang melayu ( islam )  
berani betul majlis peguam mempersoalkan keistimewaan islam dalam negara kita yang berdaulat ni...  
wahai majlis peguam..jangan bermain dengan api...semangat org melayu masih kental dan pantang dicabar...

jangan maut yang dicari....

By rosea on August 13, 2008 1:38 PM

Salam Tun,

Kesilapan kerajaan Pak Lah sekarang terlalu terbuka..  
Ini merupakan peluang keemasan bagi mereka2 ini untuk menjadi JAGUH & ANGKUH serta mempunyai agenda tersendiri.....

Melayu & Islam telah dihina di bumi sendiri!

Rakyat Marah & Kecewa tapi..

Apakah kerajaan hanya setakat mengeluarkan kenyataan kecaman di media saja?

Bila nak ISA kan mereka ni semua?

By Tun Dr Marvellous on August 13, 2008 1:39 PM

Apa latar belakang Dato' Zaid Ibrahim, de-facto Menteri Undang2.  
Adakah mempunyai kelayakkan utk menjadi Menteri Undang2?.

"2. Selepas rusuhan kaum tahun 1969, pemimpin-pemimpin ketiga-tiga kaum di Malaysia telah bersetuju bahawa perkara-perkara sensitif seperti kedudukan Raja-Raja, bahasa rasmi, hak kaum-kaum, agama Islam sebagai agama rasmi, tidak akan dibincang atau dibahas secara terbuka. Sebabnya ialah kemungkinan perbincangan akan membakar hati pihak-pihak yang tersentuh yang boleh membawa kepada kestabilan negara terancam dan rusuhan kaum berlaku".

Sungguh bahaya bermain api dgn bangsa Melayu yang mempunyai sifat AMUK, bila dah MENGAMUK buruk padahnya. Soal agama ISLAM dan HAK BUMIPUTRA jangan dipersoalkan..... BAHAYA?

Orang Melayu yang banyak 'SILENT MAJORITI' jangan sekali-kali bangkitkan mereka yang tidur.

Berhati2lah sudah banyak anak2 Melayu hati mereka sudah diresapi api2 kemarahan yang AHLI2 POLITIK tahu?

By sanihandsomeboy on August 13, 2008 1:40 PM

Salam sejahtera Tun.....

Pandangan saya, di bawah kepimpinan PM dan kabinet di masa kini.....

Malaysia menuju ke arah menjunam.....

SELAMAT KAN MALAYSIA.....

By Mis\_bah on August 13, 2008 1:41 PM

Assalamu Alaikum Tun,

Tun, terus terang saya katakan, saya sebagai orang Islam walaupun jauh dari ibu negara untuk menyaksikan lebih dekat isu forum menganut Islam anjuran Majlis Peguam, perasaan di lubuk hati memang marah dengan tindak-tanduk pengajur berkenaan. Saya yakin ramai umat Islam turut menyimpan perasaan yang sama. Itu merupakan reaksi sepihak daripada provokasi yang dibuat Majlis Peguam yang berselindung disebalik forum. Sebenarnya mereka ada agenda besar. Lihat sahaja, mereka langsung tidak dengar nasihat pihak berkuasa. Timbalan presiden Majlis Peguam bercakap berbelit-belit, dia fikir semua orang tidak secerdik dia. Nasihat TPM dan nasihat menteripun dia tak nak dengar. Kemudian, selepas Pak Lah tegur mereka supaya jangan lagi anjur lagi forum sedemikian dan isu sensitif perlu dibincang secara tertutup, Majlis Peguam buat sidang media ingin anjur forum seumpamanya pada masa depan. Apa ertinya semua ini? Kalau cakap PM dan menteri kitapun dia sudah tak endah, ertinya mereka ini berbahaya dan tindakan tegas perlu diambil. Apapun, saya amat gembira kerana umat Islam tidak kira bangsa dan fahaman politik masih boleh bersatu ketika membantah forum itu. Tahniah!

By RAJA MarzuqiAuthor Profile Page on August 13, 2008 1:44 PM

Mereka berani bukan kerana mereka kuat tetapi kerana kita UMAT ISLAM yang lemah !!! Kita lemah bukan kerana miskin ilmu atau harta tetapi kerana MISKIN IMAN !!! Oleh itu ayoh kita AGUNGKAN TUHAN didalam apa saja yang kita lakukan, setelah itu kita PROMOSIKAN TUHAN kepada mereka... jom kita buat forum besar-besaran bertajuk "ISLAM AGAMA PILIHAN TUHAN"

By myAuthor Profile Page on August 13, 2008 1:46 PM

Tun,

Saya beranggapan sebenarnya majlis peguam ini adalah sebuah badan yang sebenarnya adalah proksi kepada DAP. Ini bukan kali pertama majlis peguam mempersoalkan perihal Islam. Pada tahun 2004 mereka pernah menulis artikel tentang azan itu adalah pencemaran bunyi! Dan 2005 juga DAP pernah mengeluarkan kenyataan yang sama. Saya ada buat penulisan tentang Majlis Peguam adalah Proksi DAP disini. Diharap semua ambil iktibar dari forum tersebut, dan jangan ulang kembali...

By azura sha on August 13, 2008 1:46 PM

assalmualaikum buat ayahanda tun sekeluarga  
diharap semua dalam keadaan sihat walafiat

that's it??the response from our current pm??  
(sorry a bit upset right now)  
only now m'sia practise true democracy??  
lack of respect??  
or is it because of very (1 milli x) poor leadership??  
it seems that they question practically everything nowadays

they can have the forum  
but where are the "muslim"

why is this from non muslim to muslim and back to ori "non muslim"  
lost in faith? right after separation/divorce??  
marriage of convenience?  
it seems that changing their religion just like changing their cars  
let's be realistic here  
most of it because of marriage for convenience  
who's the victim  
not them but the kids

a question:

do other religion believe that the parents  
are considered commit a sin

if they let the kids change their religion other than islam  
muslims do think so and that is why they will fight for it

bila sebut islam saje  
bertudung....

there are more other heavy issues to tackle  
esp this issue

where are the statements from our "ahli ulamak"

this is the time to voice out

not only issues on "tangkap basah"

"pakaian dan konsert artis"

"ai liwat case"

malays

buckle up

sometimes just cannot blame others

because if you see the majority of the malay attitude

gosh it is like we are way backwards

this is what happen to our country

if majority of the ppl makan duit haram

By Banderas on August 13, 2008 1:47 PM

Tun,

Kelantangan Majlis Peguam bukan suatu yang baru. Tetapi "kelonggaran" yang disediakan oleh kerajaan membuat Majlis Peguam begitu lunak. Saya bersetuju pemimpin kita tidak tegas, atau tidak sedar, mana nak tegas kalau tak sedar konflik yang bakal diundang dek isu yang dianjurkan oleh Majlis Peguam. Kenapa harus menunggu rakyat bertindak dan bersungguh-sungguh cuba menghalang forum tersebut, apakah pemimpin kita tidak peka atau hanya pandai mengulas 'apa yang telah berlaku' tetapi tidak bijak menjangka 'apa yang akan berlaku', kualiti inilah yang saya tabik Tun, berfikir menjangkau kehadapan,mengulas situasi akan datang agar persiapan sekarang dapat dibuat, dapat dilaksanakan dan metodologi pelaksanaan dapat digembling. Berbalik mengenai isu yang cuba dibincang (atau diprovok) oleh majlis Peguam, saya fikir kita seharusnya telah dapat menelah mesejnya, soalnya dapatkah kita cuba meneliti,menganalisis dan terangkan kepada rakyat peruntukan syariah dan peruntukan common law dalam soal-soal yang menyentuh Islam dan permasalahan apabila seseorang bukan Islam memeluk Islam, hak-hak mereka dan lebih dari itu sekiranya mereka keluar pula dari Islam kerana mungkin "situational approach" mereka tak menjadi. Seharusnya Menteri berkenaan bekerja keras meneliti peruntukan-peruntukan perundangan tersebut agar semua pihak jelas mengenai hak mereka, dan Islam bukanlah agama dan cara hidup yang boleh dimanipulasi secara situational, dan rakyat bukan Islam juga akan memahami bahawa Islam adalah kualiti bukannya medium yang boleh dipakai buang bilamana suka.

By chekndak on August 13, 2008 1:47 PM

Salam Tun

Saya pelik la nie.Banyak sangat nak bersuara. Sampai benda yang tak payah nak bercakap pun nak bercakap. Majlis peguam nie lagu mana? Nak tunjuk depa berkuasa ka? Hebat mana pun, kita dok negara nie, kena hormat agama bangsa yang ada di negara nie. Lagi ramai cerdik pandai lagi jadi yang bukan2. Ramai rakyat tak puas hati bila jadi lagu nie. Pak Lah tak dak nak kata apa ka? Menteri Undang-Undang tak komen apa2 pun! Saya rasa siapa yang tak puas hati dengan apa yang dipraktikkan oleh negara pi la jadi warga negara lain. Moga - moga senang hati.

By nodos on August 13, 2008 1:47 PM

salam ayahanda tun,

saya rase ramai je loyer2 melayu islam kt bumi malaysia nih, uia keluarkan grads every year 300-400 orang, uitm 100 org lbih, tak termasuk UM,UKM and malay overseas students.

i wonder la tun sape leh bela nasib melayu ni..balik2 tun jugak..tun nak jdik doktor, tun nak jdik PM, tun jugak yang kena jadi loyer smpikan ayat quran pun, tun jugak yg kena tafsirkan...

MANE PERGI MELAYU!!!!!!!!!

P/S; tiap2 hari aku suffer bile pk nasib melayu

By Jan on August 13, 2008 1:47 PM

Tun,

kekadang saya ingin sangat nak mintak Tun buat satu sessi program pemulihan agar dapat kami beramai2 belajar cara pertahankan diri baik dari segi social, mental, ekonomi maupun dari ancaman undang2 negara yg kini semakin longgar, yg mana undang2 dibuat hari ni, tapi dipinda besok.... :(

kami keliru, kami seperti hanyut ditengah laut yg berombak besar, kami kehilangan kapten yg berwawasan untuk membawa kami ke destinasi yg selamat.

PM-paklah masih tersenyum riang dgn segala perbalahan, segala kekusutan dan segala kekacauan, jugak tunjuk2 perasaan (baik yg aman maupun yg tak aman)...

dia gembira sangat ka dengan pencapaian nya itu?

apakah kesudahan cerita Malaysia kita ini? adakah kita akan hidup aman bahagia akhirnya?

sama2 kita tontoni percaturan pak lah dan konco2 nya.....

aisha

By myreedAuthor Profile Page on August 13, 2008 1:50 PM

Paklah nie tidor lagi ke...

By dlgempita on August 13, 2008 1:51 PM

TUN,

Saya percaya peluang sentiasa ditunggu dan segala kesempatan akan diguna oleh kaum atau kumpulan tertentu yang tidak bersetuju dengan sosial kontrak yang ada.

Yang menaikan suhu darah orang melayu hari ini bukan saja bila melihat gelagat kurang ajar dan mencabar oleh Majlis Peguam, NGO, pemimpin parti-parti politik termasuk rakan dalam BN, tetapi suhu naik lebih tinggi bila fikiran menjangkau kebelakang perkara-perkara begini.

Punca utama tetap kembali kepada pemimpin leading malay party yang dilihat tidak dapat mengawal sebarang keadaan atau isu. Dan pemimpin ini sendiri yang barangkali cuba menukar dirinya kepada malaikat. Pemimpin paling adil, semua sama rata, semua sama rasa. Ucapan diberi dalam majlis-majlis awam.

Apabila 'mereka' ini lihat 'malaikat' tentulah mereka rasa, inilah musim lailatulkadar bagi mereka, boleh ubah apa saja dan bina syurga yang mereka impikan.

Semua orang melayu bukan hanya patut berdemonstrasi menyanggah isu-isu yang menyentuh keistimewaan dan ketuanan melayu, tetapi sebenarnya demonstrasi utama yang patut kita lakukan ialah membersihkan bangsa untuk dipimpin oleh melayu jati.

By lebaikudin on August 13, 2008 1:52 PM

Salam Tun & fellow bloggers,

1.Keceluparan Majlis Peguam akhir2 ini memang membahayakan kestabilan antara agama/kaum.  
2.Sejarah telah membuktikan bahawa peperangan agama lebih dahsyat kesannya (Crusade/Perang Salib)  
3.Pertimbangan antara hak atau kebebasan Islam/individu tidak boleh dilihat dari sudut sekular  
4.Hari ini mereka mempersoalkan kebebasan masuk/keluar Islam seolah-olah semudah menukar baju  
5.Pendapat mereka ialah semua agama adalah sama dikacamata undang2 dan manusia  
6.Konsep Murtad yang dipandang berat dan hukuman mati/diperangi tidak diterima mereka  
7.Dasar keterbukaan pemerintah hari ini mengundang mulut-mulut celupar.  
8.Diberi betis nakkan peha.Kebebasan beragama tidak termasuk keluar dari Islam  
9.Kebebasan beragama disalahguna.Islam agama Rasmi,bererti overrule agama lain,superior  
10.Laksanakan Hukum Hudud pada Muslim.Bukan Muslim kena patuh undang-undang sivil  
11.Alasan masyarakat majmuk/belum sedia untuk laksana hukum Islam tidak boleh diterima kerana Perlembagaan Madinah digubal dalam masyarakat berbilang kaum  
12.Majlis Peguam mesti mencari jalan gubal undang2 baru yang mewajibkan presiden seorg Muslim  
13.SARANG TEBUAN JANGAN DIJOLOK!

Wasalam

By furido1585 on August 13, 2008 1:54 PM

Salam.

Dahulu semasa Tun jadi PM, ketika negara bergolak dengan isu-isu besar seperti kes DSAI dulu cuba imbas kembali berapa banyak makian, cercaan, kutukan yang rakyat Malaysia berbangsa Melayu lemparkan terhadap Tun? Sekarang ini rakyat Malaysia mendapat PM yang jauh lebih teruk dari Tun? Sepatutnya sebagai orang Islam, jangan sesekali mengeluarkan kata-kata berbentuk penghinaan terhadap orang lain, nanti Allah balikkan penghinaan itu terhadap diri masing-masing. Kini orang Melayu diasak dari segenap penjuru. Selagi Umno dipenuhi manusia bertopengkan syaitan nescaya tumbanglah Umno dalam pilihanraya akan datang. Orang Melayu perlu kembali ke ajaran Islam yang sebenar. Mengaji Al-Quran setiap hari sekali dengan tafsirnya. Solat berjemaah di masjid sekerap mungkin. Sikap sederhana sentiasa. Hidup hanya sementara. Pemimpin akan menjawab di Padang Mahsyar kelak.

By "My Way" on August 13, 2008 1:55 PM

Dear Tun and everybody,

The Bar Council has the right to discuss about it, BUT they should not have done it so obviously in the open which is causing distress to Malaysians.

Totally agree wiz Tun, they should just invite the relevant persons for a closed door forum and do it outside the country for security-sake.

As for the current government, nothing to shout about. Just a total reactive to the situation. It is sad that whatever the current PM is saying, nobody is listening. Basically, we are just fed up with the whole situation.

Now it is interesting that the 'rakyat' can see both sides just like the "The Tale of Two Cities". Definitely have to admit, when it was under the leadership of Tun, somehow there is this feeling of stability and security. Today, it is really bleak and worrying. Nothing really changes for the better. When things happen, everybody just react without considering the consequences in the future.

Twelve more years till 2020, that vision we long to see for Malaysia to be on par with "Economic powers" of the world, at this rate consider postponing it, sad to say.

Thank you Tun for your divine guidance and wisdom in all these issues that are affecting us. At least, there is still 'hope' out there.

Cheers!

By sahfiee on August 13, 2008 1:55 PM

Salam Tun yang disayangi...

Peribahasa melayu ada menyebut "bila diberi betis mahukan peha..."

Inilah yang terjadi...apabila kerajaan tidak berfikiran kedepan dalam setiap keputusannya. Keputusan yang dibuat terburu-buru atau ada matlamat tertentu untuk menjatuhkan atau memburukan seseorang.

Dalam hal Majlis Peguam...Pihak kerajaanlah yang harus dipersalahkan terutama Dato Zaid menteri undang-undang ini...kerana beliaulah yang terlalu baik memberi sagu hati kepada para hakim yang tersingkir dan sekarang nampaknya Majlis Peguam perlukan lebih lagi...

Dimana suara Dato Zaid ini? Adakah kerajaan sekarang ni tunduk kepada Majlis Peguam ini...Kenapa rakyat sahaja yang hendak memprotes...Mungkinkan Dato Zaid akan mengiyakan sahaja segala tindak tanduk Majlis Peguam ini...

Menteri semacam ini seharus meletakan jawatan sahaja...selain dari Pak turut bosnya...tiada apa yang dibuat yang menampakan kebaikan...

Saya amat marah dengan apa yang telah berlaku kepada Malaysia kini...keamanan kita cuba digugat oleh mereka ini.

Berlagak pandai...tapi semuanya mengadaikan maruah negara...digelakan oleh jiran tertangga.

Ahli-ahli umno yang sayangkan parti buatlah sesuatu...supaya dapat membetulkan semula apa yang terjadi sekarang ni...

Jika pemimpin tidak dapat menjalankan tugasnya dengan cemerlang dan jayanya maka gantikanlah dengan pemimpin yang lebih berwibawa.

Kenapa tunggu esok....hari ini juga kita lakukan...

Majulah Malaysia..Makmurlah Malaysia...Malaysia Boleh!

Komen kedua...diChedet ini...

Sahfiee.

By azmany on August 13, 2008 1:59 PM

Saya tidak faham bagaimana Majlis Peguam boleh diberi kuasa memilih siapa akan menjadi Hakim. Bukankah ini akan menjadi satu 'Conflict of Interest'.

Sepertimana ahli politik sekarang diberi politik rasuah untuk memilih calun tertentu untuk tahan berkuasa, tidakkah ini akan juga memberi lorong bagi pihak tertentu untuk menentukan seseorang yang terpilih untuk menjadi hakim dan kemudiannya melontarkan 'independence' para hakim tersebut. Politik kehakiman pula akan timbul.

Sekarang pun umum sudah tahu, melalui kes video Lingam, bahawa usaha melobi untuk menjadi hakim memang berlaku. Sepatutnya langkah diambil untuk mengurangkan kes melobi tersebut, sebaliknya langkah yang menghalalkan lebih banyak aktiviti melobi pula yang diambil.

Kalau masyarakat umum risau dengan taraf 'judiciary independence' - taraf integriti profession peguam sudah lama diragui - amat negatif. Seperti seorang komentar Che Det menyebut - 'there is very little equation of the legal practitioner with justice'.

By psl1 on August 13, 2008 1:59 PM

Salam Tun, kita harus menyokong tindakan Bar Council untuk berdialog berkenaan semua isu yang

berkaitan dengan undang-undang, ini kerana negara kita sudah maju, kebanyakkan rakyat kita sudah buka minda. Dasar kerajaan membelanjakan bilion bilion ringgit sejak perlaksanaan DEB menghantar ratusan ribu pelajar bumiputra kita ke luar negara, khususnya negara maju, telah membuka minda dan akal mereka. Mereka dapat menerima bahawa di luar negara, agama yang dipeluk oleh individu adalah hal peribadi individu itu sahaja. Pihak berkuasa di negara maju memberi kebebasan sepenuhnya untuk semua untuk memeluk apa apa agama yang mereka percayai pada bila bila masa sahaja. Tetapi di negara kita, masih ada pihak yang ketinggalan zaman kerana tidak pernah hidup di negara maju. Hakikatnya, golongan ini masih berasa kongkongan dan halangan perlu dibuat berkaitan perbincangan isu isu agama. Amat dikesali bahawa isu pokok yang hendak dibawa oleh Bar Council tidak diperdengarkan dahulu tetapi terus didiamkan dengan cara protes oleh golongan ini. Macam mana negara dan rakyat kita hendak maju kalau kita sendiri yang tidak hendak mengorak langkah untuk kehadapan. Adakah infrastruktur seperti Petronas Twin Tower, KLIA, PLUS highway sahaja bertaraf dunia pertama tetapi akal dan minda rakyat masih di dunia ketiga itu maksudnya negara maju yang hendak dicapai pada 2020 Tanyalah pendapat ratusan ribu bekas penuntut luar negara yang pulang ke tanair tentang isu di atas. Lihatlah reaksi mereka.

By iskandar on August 13, 2008 2:01 PM

Assalamualikum..

Berkenaan perkara Majlis Peguam ini selain dari apa yg Berbahagia Tun terangkan diatas,saya disini hendak meletakkan SEGALA KESALAHAN KEPADA SEMUA PEGUAM ISLAM DIMALAYSIA..kenapa?? Kerana mereka tidak menunaikan tanggungjawab mereka dalam memilih PEMIMPIN mereka yang dapat memelihara kesejahteraan dan keharmonian negara disamping menjaga kedaulatan undang-undang..

Oleh itu saya disini menyeru kepada SEMUA PEGUAM BERDAFTAR yang beragama ISLAM supaya di PEMILIHAN AHLI MAJLIS PEGUAM dimasa akan datang pilihlah MEREKA daridapa PEGUAM ISLAM.. pilihlah salah seorang daripada kamu yg betul-betul mahir dan mempunyai kejujuran pada diri,agama,undang-undang dan negara..

Jangan terperdaya dan bermain politik berebut jawatan itu..ingatlah bahawa kamu semua wahai SEMUA PEGUAM ISLAM adalah bertanggungjawab kepada semua umat islam di negara ini dan kamu juga bertanggungjawab kepada Allah..

Jika kerajaan benar-benar salah tegurlah dengan penuh keinsafan tetapi jangan menghentam kerana terpengaruh dengan pihak yang tidak bertanggungjawab..

Sekian.

By ABI on August 13, 2008 2:02 PM

Saya sebagai seorang warganegara yang taat setia berpendapat semua kaum di negara ini mempunyai hak untuk berbincang sesuatu perkara atau isu yang menjadikan keluarga mereka merana kerana tiada cara penyelesaian baginya; dan juga mereka berhak untuk membawa semua isu itu ke pengetahuan pihak berkuasa untuk penyelesaian. Kita tidak boleh "sweep problems under the carpet." Objective and open discussion are healthy in a democratic society. Tetapi malangnya, segelintir ahli politik serta golongan pelampau mengambil tindakan yang tidak wajar dan berpatutan. Pemikiran sempit dan sentimen perkauman tidak akan mendatang manfaat kepada kita. Hakikat ini perlu disedari oleh semua kaum di negara ini yang kita sayangi.

ABI

By ikanbilismoh on August 13, 2008 2:02 PM

TERIMA KASIH TUN.....

KERANA MEMBERI PERHATIAN ATAS CADANGAN SAYA MENGULAS MENGENAI MAJLIS PEGUAM YG SEMAKIN KURANG AJAR.....

LIHAT SEKARANG MANA ADA PEGUAM-PEGUAM MELAYU YG TAMPIL DAN JUGA PEMIMPIN DARI

BN YG TAMPIL UNTUK MEMPERTAHANKANNA HAK-HAK ORANG MELAYU....

APA YG PAK LAH BUAT...DIAM MEMBISU

APA YANG ZAID BUAT....DIAM MEMBISU....

APA YG SAYA PERHATIKAN SEKARANG NIE ....SEOLAH-OLAH..PAK LAH NAK MELEPASKAN TANGGUNGJAWABNYA....

SEMUANYA DISERAHKAN KEPADA RAKYAT UNTUK MEMBUAT TINDAKAN....

SELEPAS DENGAN MUDAH JAWAPANNYA KEPADA SELURUH RAKYAT MALAYSIA.... LIHATLAH RAKYAT DAN MEMBUAT KEPUTUSAN DAN MEMPROTES...JADI BERHENTIKANLAH FORUM TU...

INIKAH DIKATAKAN PEMIMPIN YG MAHU MEMPERTAHANKAN KEDAULATAN MALAYSIA DAN ORANG MELAYU KITA....PENAKUT..PENGECUT..DAN TIDAK BERTANGGUNGJAWAB.....

PEMIMPIN YG BERTANGGUNGJAWAB WAJID MENGATASI SEGALA PERMASALAHAN NEGARA...BUKANNYA MEMBISU ...DAN MEMBIARKAN ORANG LAIN MEMBUAT TINDAKAN....

APA YG SAYA PERHATIKAN SEMASA ERA TUN MEMERINTAH TIADA SATU ISU SENSITIF YG BERBANGKIT MENGENAI AGAMA ISLAM, KEDAULATAN RAJA-RAJA MELAYU DAN JUGA ISLAM....

KALAU ADAPUN TUN DAPAT MEMBERI JALAN PENYELESAIAN DAN TEGURAN KEPADA PIHAK-PIHAK TERBABIT....

DAN MEREKA SEMUA MENGHORMATI TEGURAN TUN...

TETAPI KINI TEGURAN PAK LAH SEOLAH-OLAH MELEPAS BATUK DITANGGA... MUNGKIN PAK LAH BERFIKIRAN BIARLAH MEREKA SELESAIKAN SENDIRI DAN LEBIH BAIK AKU LAYAN SI JEAN AJE....LAGI BAGUS...

INILAH SIKAP PEMIMPIN YG TIDAK BERPENDIRIAN DAN FLIP-FLOP...

TUN HARAPAN SAYA SEMOGA TUN PANJANG UMUR SUPAYA KAMI DAPAT MENIKMATI SEGALA IDEA DAN PANDANGAN TUN SETERUSNYA...WALAUPUN KAMI KINI DALAM KERINDUAN ATAS KETEGASAN DAN KEBIJAKSANAAN TUN SERTA UCAPAN TUN YANG AMAT BERNAS SEKALI...

TUN...BILA LAGI...TUN NAK MENGHADIRI FORUM SELANJUTNYA...

TAK SABAR UNTUK SAYA MENGHADIRINYA....

SEKIAN....

By pakkordi on August 13, 2008 2:03 PM

I agree with everything you say tun.

I would just like to correct a statement made by Ixora earlier. Allah has always been our saviour, bukan sekarang aje. Correct me if i am wrong.

By Ayoi on August 13, 2008 2:04 PM

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada Tun dan semua penyokong setia CheDet.com....

Terima kasih kerasa Tun memberikan responsif yang cepat, bernes dan seperti biasa dengan fakta dan rasional yang pendek tetapi padat.

Bagi saya, yang salah tetap pentadbiran kerajaan sekarang terutamanya PM dan Zaid Ibrahim. Kononnya nak terlalu telus. Tengok sekarang apa dah jadi. sampai begitu biadap Majlis Peguam yang rata-ratanya (menghadiri forum) kafir lahanat berani untuk membincangkan hukum hakam agama islam.

Mana perginya Zaid Ibrahim yang kononnya juara dalam bidang kehakiman? Kenapa Pak Lah sunyi sepi dari sebarang kenyataan sehingga kerosakan telah berlaku baru berani buka mulut. Memang jahanam dia orang dia semua.

Saya cuba menyelami perasaan Tun dan membayangkan Tun akan segera memberikan kenyataan sebelum berlangsungnya forum. Kenyataannya adalah seperti ini" STOP IT or DONT TRY ME".

Sebab itulah Tun tidak memerlukan Islam Hadhari untuk mempopularkan diri walaupun banyak usaha-usaha Tun untuk mempertabatkan agama Islam berjalan tanpa sebarang publisiti.

Apa kerajaan malaysia buat sekarang untuk membantu saudara seagama di selatan filipina?

Hanya jauhari yang mengenal manikam....

Semoga Allah terus memberikan Tun Dr Mahathir Mohamad kesihatan yang baik dan dipanjangkan usia untuk terus membela agama, bangsa dan negara dari terus dilacurkan oleh pengkhianat-pengkhianat ini. Love You Tun....

Wassalam

By Hajar on August 13, 2008 2:05 PM

Salam Yg Amat DiKashihi Tun,

